

KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 28 TAHUN 2005

BANTUAN SARA HIDUP

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Kerajaan memberi Bantuan Sara Hidup kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah membuat keputusan untuk memberi Bantuan Sara Hidup kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan. Bantuan Sara Hidup diberi untuk menjaga kesejahteraan dan kebajikan pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan.

PELAKSANAAN

Pegawai Yang Layak

3. Pegawai yang layak Bantuan Sara Hidup adalah seperti berikut:
 - a. pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Sokongan;
 - b. pegawai tetap, sementara, sangkut, sambilan, kontrak dan guru sandaran; dan
 - c. pegawai yang diluluskan cuti belajar di dalam negeri.

Pegawai Yang Tidak Layak

4. Pegawai yang tidak layak Bantuan Sara Hidup adalah seperti berikut:
 - a. pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi;
 - b. pegawai memangku jawatan dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi;
 - c. pegawai yang dibayar Bayaran Insentif Wilayah;
 - d. pegawai yang diperuntukkan perumahan kerajaan dalam lingkungan 25 kilometer dari tempat kerja (pejabat);
 - e. pegawai yang berkhidmat di agensi yang diasingkan pengurusan saraannya;
 - f. pegawai yang dipinjamkan ke badan antarabangsa atau syarikat swasta;
 - g. pegawai yang bercuti tanpa gaji genap satu bulan kalendar tidak layak bagi bulan berkenaan; dan
 - h. pegawai yang diluluskan cuti belajar di luar negara melebihi satu tahun.

Kaedah Pelaksanaan dan Kadar

5. Bantuan Sara Hidup dibayar mengikut:
 - a. tempat kerja (pejabat) pegawai; atau
 - b. institusi pelajaran bagi pegawai yang diluluskan cuti belajar.
6. Kadar bayaran Bantuan Sara Hidup adalah berdasarkan **Jadual 1**.

Jadual 1: Kadar Bayaran Bantuan Sara Hidup

Kawasan	Kadar Sebulan (RM)
Kawasan A	150.00
Kawasan B	100.00
Kawasan-kawasan Lain	50.00

7. Kawasan A dan Kawasan B adalah berdasarkan kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan seperti di [Lampiran A](#).


TARIKH KUATKUASA

8. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai **1 Januari 2006**.

PEMAKAIAN

9. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Ismail Adam', with a long horizontal stroke extending to the right.

(DATO' SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

14 Disember 2005

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan